

# 42 kampung banjir

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

**BEAUFORT** 6 Jan. - Bilangan kampung yang terlibat dengan banjir di daerah ini meningkat kepada 42 buah dengan lebih 400 penduduk dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir setakat ini.

Penduduk yang dipindahkan adalah dari Kampung Bekalau, Bali Batung, Binunuk, Jipanga Hulu, Selinsing dan Melalugus, kira-kira 114 kilometer dari sini.

Jumlah penduduk dan kampung tersebut bagaimanapun dijangka meningkat ekoran hujan yang diramal turun hingga esok.

Penolong Pegawai Daerah Beaufort, Mohd. Shaid Othman berkata, keadaan banjir itu juga memaksa lapan buah sekolah rendah dan menengah terpaksa ditutup.

Katanya, beberapa jalan utama ke kampung-kampung terlibat juga ditenggelami air dan terputus hubungan.

"Pada masa ini, kita cuba memindahkan semua penduduk dengan menggunakan bot-bot.

"Namun disebabkan bot terhad, mereka yang berada di kawasan yang hampir dinaiki air mengambil langkah berpindah sendiri," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Semalam, sebanyak 20 buah kampung di daerah ini dilanda banjir apabila air Sungai Padas melimpah.

Keadaan itu turut memaksa penduduk dari empat buah kampung dipindahkan ke pusat-pusat penempatan sementara.

Shaid berkata, pada masa ini, pihaknya terpaksa mendapatkan bantuan bot tambahan daripada Majlis Keselamatan Negara.

Katanya, selain itu pihaknya juga dibantu oleh pelbagai pihak termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat serta polis.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pula menyalurkan makanan kepada penduduk terlibat," ujar beliau.

Beliau menyifatkan banjir kali ini sebagai yang terburuk sejak tahun 1981.

Kata beliau, pihaknya menjangkakan keadaan akan lebih serius jika hujan berterusan beberapa hari lagi.

"Paras air Sungai Padas pada masa ini ialah 9.5 meter, meningkat berbanding semalam

iaitu 9.31 meter.

"Jika tiada hujan, kita menjangka air sungai akan bertahan tetapi mula melimpah di kampung-kampung," katanya.

Sementara itu di Tenom, kira-kira 180 kilometer dari sini, sebanyak lima buah sekolah

rendah terpaksa ditutup ekoran banjir melanda daerah tersebut sejak beberapa hari lalu.

Penyelia Jabatan Pelajaran Daerah berkenaan, Shamsuddin Akil berkata, langkah itu terpaksa diambil setelah kesemua sekolah

terbabit

Katan  
pelajar  
saan (S  
dan Sek  
Yuk Syr